

Hubungan saya dengan Anwar baik-baik sahaja - Sanusi

LANGKAWI - Kemesraan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor ketika majlis perasmian pembukaan Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2025 (LIMA'25), pada Isnin mencuri perhatian ramai pihak.

Walaupun kedua-dua pemimpin itu sering digambarkan sebagai 'bermusuh' dari segi politik, na-

mun pertemuan mereka di Pusat Konvensyen Antarabangsa Langkawi (LICC) berlangsung dalam suasana penuh harmoni dan profesional, sekali gus menepis persepsi negatif yang sering dibangkitkan oleh pihak tertentu.

Selaku tuan rumah penganjaran antarabangsa itu, Muhammad Sanusi menyambut ketibaan Anwar dengan penuh profesional meskipun kedua-duanya merupakan jeneral perang parti politik berbeza.

Muhammad Sanusi ketika

dihubungi berkata, hubungan beliau dengan Anwar sebenarnya tidak bermasalah seperti digembar-gemburkan pihak tertentu.

"Hubungan saya dengan Anwar baik, orang sekeliling saja cuba keruhkan," katanya ringkas.

Ketika ditanya mengenai perbualan santai kedua-dua pemimpin itu yang disusuli dengan ketawa besar, beliau hanya menjawab secara berseloroh.

"Biarlah rahsia," katanya.



Muhammad Sanusi (kiri) dan Anwar dilihat mesra dan bersikap profesional ketika majlis perasmian pembukaan LIMA'25 pada Isnin.